

AKTA UNTUK MELINDUNGI MANGSA

MASYARAKAT

- Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]
- Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792]
- Kanun Keseksaan [Akta 574]
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]
- Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [Akta 336]

PEKERJA

- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PO.3.1.2 - Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja
- Akta Kerja 1955 [Akta 265]
- Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999

KAUNTER

TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Aras G, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
No. 55, Persiaran Perdana Presint 4,
62100 PUTRAJAYA

Waktu urusan kaunter:

Isnin - Khamis : 9.00 pagi - 4.30 petang

Rehat:

Isnin - Khamis : 1.00 tengah hari - 2.00 petang
Jumaat : 12.15 tengah hari - 2.45 petang

TALIAN Kasih
15999 24 JAM

Whatsapp
019 26 15999

care.tags@
kpwkm.gov.my

Catatan:
Mohon maklum kaunter di lobi KPWK adalah sementara sehingga perpindahan TAGS ke pejabat KL pada suku pertama Mac 2025

SISTEM SOKONGAN YANG DISEDIAKAN KEPADA MANGSA

TALIAN Kasih
15999 24 JAM
Whatsapp
019 26 15999

PUSAT
SOKONGAN
SOSIAL
SETEMPAT

SW
SKUAD WAJA

Iris
LITERASI PERUNDANGAN
DAN HAK WANITA

Matahari
MENINGKATKAN DAYA TANGAN
DAN PSIKOLOGI WANITA

Perkhidmatan Talian Kasih 15999 atau Whatsapp 019-2615999 sebagai platform penghubung antara kumpulan sasar dengan pihak kementerian bagi tujuan pertanyaan, aduan dan permohonan bantuan yang turut merangkumi aspek kaunseling, perlindungan dan kebajikan termasuk aduan gangguan seksual.

Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) menawarkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, sokongan emosi untuk menangani isu-isu psikososial termasuk gangguan seksual.

Skuad Waja berperanan untuk memperkasa komuniti melalui pembangunan psikososial dan aktiviti bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah.

Program IRIS berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu pengetahuan mengenai hak wanita dari aspek perundangan, saluran aduan dan bantuan yang disediakan kepada mangsa keganasan, diskriminasi dan ketidakadilan.

Program Matahari bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sendiri wanita melalui strategi psikologi dan pemikiran positif serta mempromosikan kemahiran resiliensi dan adaptasi positif kepada perubahan.



Diterbitkan oleh :

Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Jabatan Pembangunan Wanita

Aras 25, No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100, Putrajaya Wilayah
Persekutuan Putrajaya, Malaysia

Jabatan Pembangunan Wanita JPWanita jpwanita

JPWanita InfoJPW @jpwanita



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

KATAKAN TIDAK KEPADA GANGGUAN SEKSUAL



GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN
PROGRAM ADVOKASI
ANTIGANGGUAN SEKSUAL

#HentikanGangguanSeksual

AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2022 (AKTA 840)



Akta ini telah **DIWARTAKAN PADA 18 OKTOBER 2022** dan berkuat kuasa sepenuhnya pada **8 MAC 2024**.

SEKSYEN 25 menjelaskan keperluan penyediaan **GARIS PANDUAN BAGI PROGRAM ADVOKASI** yang memfokuskan kepada **PENCEGAHAN DAN KESEDARAN** berkaitan gangguan seksual.

APA ITU GANGGUAN SEKSUAL

Apa-apa **KELAKUAN TIDAK DIINGINI YANG BERSIFAT SEKSUAL**, dalam **APA-APA BENTUK**, sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, isyarat atau fizikal, yang ditujukan kepada seseorang yang secara munasabahnya **MENYINGGUNG ATAU MENGHINA ATAU MERUPAKAN SUATU ANCAMAN KEPADA KESEJAHTERAANNYA**.

BENTUK GANGGUAN SEKSUAL



GANGGUAN SECARA LISAN

Segala pertuturan berunsur seksual seperti jenaka, komen dan hinaan



GANGGUAN SECARA BUKAN LISAN

Pandangan atau kerlingan yang memberikan bayangan niat atau keinginan berbentuk seksual



GANGGUAN SECARA VISUAL

Menghantar/menunjukkan mesej dan imej berunsur seksual menerusi media elektronik, atas talian/secara berhadapan



GANGGUAN SECARA ISYARAT

Menggunakan isyarat yang membayangkan perlakuan seks/lain-lain seperti kenytan mata, menjilat bibir dsb



GANGGUAN SECARA FIZIKAL

Segala bentuk perbuatan fizikal seperti sentuhan atau jarak yang rapat

Pengenalan dan Objektif Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS)

TAGS menyediakan satu saluran alternatif kepada mahkamah sivil dengan cara yang cepat, mudah dan kos yang minimum untuk mangsa mengambil tindakan terhadap pelaku bagi mendapatkan hak tebus rugi di atas kehilangan atau apa-apa kerosakan yang ditanggung oleh mangsa akibat daripada gangguan seksual yang dialami.



Keputusan sesuatu aduan hendaklah dikeluarkan oleh Tribunal dalam tempoh 60 hari dari tarikh hari pertama pendengaran.



Proses pemfailan aduan yang mudah melalui Borang 1.



Fi pemfailan hanyalah RM30 untuk aduan dan RM10 untuk pernyataan pembelaan.



Tribunal khusus untuk mengadili aduan gangguan seksual yang tidak terhad kepada umur, jantina dan sektor tertentu serta boleh terpakai di pelbagai tempat.



Pendengaran aduan akan dilakukan secara tertutup kepada awam.